

KEWAJIPAN BERPEGANG KEPADA MAZHAB: MEMAHAMI BAHAYA PEMAHAMAN “LA MAZHABY” DALAM KONTEKS MASYARAKAT ERA GLOBALISASI DAN DIGITALISASI

THE OBLIGATION TO ADHERE TO A SCHOOL OF THOUGHT: UNDERSTANDING THE RISKS OF “LA MAZHABY” THINKING IN THE CONTEXT OF GLOBALISATION AND DIGITALISATION

^{i,ii,*}Lukman Abdul Mutalib, ^{i,ii}Wan Abdul Fattah Wan Ismail, ^{i,ii,iii,iv}Ahmad Syukran Baharuddin,
ⁱBaidar Mohammed Mohammed Hassan, ⁱSetiyawan Gunardi, ^{i,ii}Zulfaqar Mamat & ^{i,ii}Hasnizam Hashim

ⁱFaculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱCentre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱⁱResearch Fellow, Maqasid Institute, United States of America (USA)

^{iv}International Advisory Board Member, Mejallat Al-Afaq wa Al-Maarif (JSKP), Faculty of Humanities, Islamic Sciences and Civilization, University Amar Telidji of Laghouat, BP 37G, Road of Ghardaia, 03000 Laghouat, Algeria

*Corresponding Author: lukman@usim.edu.my

Article history:

Submission date: 1 September 2025
Received in revised form: 8 October 2025
Acceptance date: 1 December 2025
Available online: 5 December 2025

Keywords:

Madhhab, the dangers of la mazhab, the era of globalisation, mazhab, bahaya la mazhab, era gobalisasi

Funding:

This research did not receive any specific grant from funding agencies in the public, commercial, or non-profit sectors.

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:

Isman, I., & Shohib, M. W. (2025). Kewajipan berpegang kepada mazhab: memahami bahaya pemahaman “la mazhab” dalam konteks masyarakat era globalisasi dan digitalisasi: The obligation to adhere to a school of thought: Understanding the risks of “la mazhab” thinking in the context of globalisation and digitalisation. *LexForensica: Forensic Justice And Socio-Legal Research Journal*, 2(2), 44-56. <https://doi.org/10.33102/bn4rt117>



© The authors (2025). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my.

SDG Elements:

Quality Education



ABSTRACT

In this study, the term *madhhab* refers to a school of thought or a particular framework of legal reasoning developed through a distinct methodology, approach, and scholarly discipline. Emerging in the early first century Hijri, the madhhab tradition expanded significantly and reached its maturity by the end of the third century Hijri. The four major Sunni madhāhib—Hanafī, Maliki, Shafī‘i, and Hanbali—remain influential to this day. Over several centuries, the development of madhhab-based scholarship gave rise to a highly systematic and integrated methodology of legal derivation (*istinbāṭ al-aḥkāṁ*). In the contemporary era of information revolution, religious knowledge has become easily accessible at one’s fingertips. The convenience of the internet and artificial intelligence (AI) has led to a decline in traditional text-based learning, particularly the reading of classical *turāth* works. Consequently, many learners increasingly rely on online platforms that offer instant answers, often neglecting the essential legacy of Islamic legal scholarship—namely, the methodological framework of the *fuqahā’* in deriving legal rulings. This leads to a weakening of madhhab identity and an unanchored approach to understanding Islamic law. This paper examines the importance of adhering to a madhhab and the dangers of combining rulings from multiple madhāhib without proper scholarly methodology. The findings indicate that abandoning madhhab-based discipline may cause individuals to drift into misconceptions under the pretext of returning to the *salaf al-ṣāliḥ*, while in reality exposing them to the risk of issuing rulings based on personal inclinations due to their inability to derive legal rulings accurately from the primary sources.

Abstrak

Mazhab dalam konteks kajian ini merujuk kepada aliran pemikiran atau kerangka pandangan dalam persoalan hukum yang terbina melalui metodologi, pendekatan dan disiplin ilmu yang tersusun. Bermula kemunculannya pada awal kurun pertama Hijrah, tradisi bermazhab berkembang secara signifikan dan mencapai tahap kematangan pada akhir kurun ketiga Hijrah. Antara mazhab fikah yang terus kekal berpengaruh hingga kini ialah Mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali. Perkembangan ilmu berasaskan mazhab pula berlangsung secara berterusan selama ratusan tahun sehingga membentuk satu manhaj *istinbāt* hukum yang sistematik, terperinci dan sangat bersepadu. Dalam era revolusi maklumat hari ini, ilmu agama khususnya boleh dicapai dengan mudah hanya melalui hujung jari. Kemudahan internet dan teknologi kecerdasan buatan (AI) mengakibatkan budaya pembelajaran berkitab semakin berkurangan, apatah lagi merujuk kepada karya-karya turath ulama silam. Keadaan ini mendorong sebahagian pengkaji dan masyarakat untuk bergantung kepada sumber segera di alam maya, sehingga mengabaikan satu elemen penting dalam tradisi keilmuan Islam, iaitu manhaj fuqaha' dalam mengistinbāt hukum. Natiujahnya, berlakulah krisis jati diri dalam bermazhab dan kecenderungan untuk memahami agama secara terpisah daripada disiplin ilmu yang sah. Kajian ini membincangkan kepentingan berpegang kepada mazhab serta bahaya mencampuradukkan pandangan mazhab tanpa panduan metodologi yang betul. Hasil kajian mendapati bahawa meninggalkan mazhab boleh menyebabkan seseorang terperangkap dalam prasangka salah kononnya untuk kembali kepada amalan *salaf al-ṣāliḥ*, sedangkan hakikatnya ia berpotensi membawa kepada berhukum dengan hawa nafsu akibat ketidakmampuan mengistinbāt hukum daripada dalil-dalil syarak secara tepat.

Pengenalan

Pada zaman Rasulullah SAW, aliran mazhab sama sekali tidak wujud kerana Baginda merupakan satu-satunya sumber autoritatif dalam penetapan hukum selain al-Quran. Sebarang perselisihan yang timbul dalam kalangan para sahabat akan terus dirujuk kepada Baginda SAW, dan Baginda memberikan keputusan muktamad terhadap permasalahan tersebut. Pada zaman sahabat, mereka tinggal berdekatan antara satu sama lain dan mudah berhubung; justeru, sekiranya berlaku perbezaan pandangan, mereka dapat berbincang dan mencapai kata sepakat dengan cepat. Kalaupun wujud perbezaan pandangan, ia hanyalah bersifat individu dan tidak membentuk aliran pemikiran yang tersusun. Oleh itu, pada peringkat ini, aliran mazhab dalam bentuk institusi atau manhaj formal belum wujud (Nur Abd. Judly, 2009).

Perkembangan mazhab fikah secara teknikal bermula pada akhir kurun pertama dan awal kurun kedua Hijrah apabila lahir beberapa manhaj fiqh setempat seperti Fiqh Hijaz yang dipimpin oleh tokoh Tabi'in besar, antaranya Imam Sa'id ibn al-Musayyab (15H–94H) serta fuqaha' al-sab'ah. Fiqh Kufah pula dipelopori oleh Imam Ibrāhīm al-Nakha'ī (47H–96H), manakala aliran fiqh di Syam dipimpin oleh Imam al-Awzā'ī (88H–157H). Ketiga-tiga aliran ini berkembang dengan pendekatan metodologi yang tersendiri, di samping memperlihatkan kesamaan dan perbezaan dalam manhaj pengeluaran hukum (al-Asyqar, 2007).

Aliran-aliran pemikiran ini terus berkembang pesat memasuki kurun ketiga Hijrah sehingga membawa kepada kemunculan pelbagai mazhab fikah, sama ada berskala kecil mahupun besar. Kemunculan mazhab bukan sekadar berkait dengan nama atau tokoh pengasasnya semata-mata, tetapi berdiri di atas manhaj yang tersusun rapi serta telah melalui proses pengujian, penapisan, dan pemurnian yang teliti sepanjang zaman. Antara mazhab fikah yang kekal berpengaruh dan termasyhur sehingga kini ialah Mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'i, dan Hanbali.

Kelahiran mazhab-mazhab ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Antaranya ialah perbezaan geografi dan demografi masyarakat, keterbatasan sumber hukum di sesetengah wilayah, variasi 'urf dan adat setempat, serta dinamika sosial yang pesat dan rencam, termasuk interaksi silang budaya dan agama. Faktor-faktor ini secara tidak langsung membentuk pendekatan berbeza dalam beristinbāt hukum. Daripada latar tersebut, muncul pula faktor-faktor langsung yang mengukuhkan kewujudan mazhab, antaranya (al-Bayānūnī, 1985):

- i. Perbezaan pandangan dalam menerima atau menolak sesuatu hadis, serta dalam menilai kekuatan dan kesahihannya;
- ii. Perbezaan tafsiran terhadap sesuatu nas al-Quran atau sunnah;
- iii. Perbezaan dalam menetapkan kaedah pertarjihan apabila berlaku pertentangan dalil;
- iv. Perbezaan dalam menentukan sumber hukum dan kaedah istinbāt hukum yang digunakan.

Islam sebagai agama yang dinamik dan progresif sentiasa bersedia menghadapi perubahan zaman kerana memiliki sumber hukum yang unik—sebahagiannya bersifat tetap dan rigid, manakala sebahagian lain bersifat anjal dan fleksibel. Keunikan kombinasi ini memastikan Islam kekal relevan dan sesuai diamalkan pada setiap masa dan di setiap tempat.

Definisi Mazhab

Perkataan mazhab dari sudut bahasa berasal daripada kata dasar ذهاب (*dzahaba*) yang membawa beberapa makna, antaranya “jalan” atau “tempat yang menjadi tujuan orang ramai” (al-Asyqar, 2007). Ahmad al-Sāwī (t.th.) menjelaskan bahawa “المذهب في الأصل محل الذهاب، كالطريق المحسوسة” yang bermaksud: mazhab pada asalnya ialah tempat berjalan, seperti jalan yang dapat dilihat dengan pancaindera. Dalam *Lisān al-‘Arab* (Ibn Manẓūr, 1992), mazhab juga didefinisikan sebagai المتوضأ, iaitu tempat bersuci daripada hadas.

Istilah mazhab turut digunakan dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Mughīrah ibn Shu‘bah, apabila beliau menyatakan:

Terjemahan: Aku pernah bermusafir bersama Rasulullah SAW. Apabila Baginda ingin pergi ke al-mazhab (tempat qada’ hajat), Baginda akan menuju ke tempat yang jauh daripada pandangan orang ramai. Lalu Baginda bersabda: ‘Wahai Mughīrah, bawakan aku air’.

(Musnad Ahmad, 2001)

Perkataan mazhab dalam hadis ini difahami sebagai tempat qada’ hajat, iaitu tempat yang dituju seseorang apabila mempunyai keperluan tertentu. Penggunaan istilah ini kemudiannya berkembang daripada makna yang bersifat fizikal (*tangible*) kepada penggunaan yang lebih abstrak (*intangible*). Dalam *Kamus Besar Dewan Arab-Melayu* (2015), mazhab ertinya “pendapat” atau “iktikad”. Oleh itu, dalam konteks perbincangan ini, mazhab merujuk kepada “jalan atau pendekatan yang diikuti oleh seorang imam dalam membentuk hukum-hukum ijtihādiyyah.”

Dari sudut istilah pula, al-Asyqar (2007) mendefinisikan mazhab sebagai jalan yang dilalui oleh seseorang atau kelompok dalam kehidupan mereka, sama ada dalam urusan akidah, akhlak, atau hukum-hakam. Prof. Dr. Muḥammad ‘Uthmān Syubayr (2022) dan Dr. Nawwār al-Syilī (2010) pula mendefinisikan mazhab sebagai suatu bentuk ikutan terhadap hukum-hakam syarak dalam isu-isu tertentu yang dinisbahkan kepada mana-mana imam tertentu. Frasa “dalam masalah tertentu” dalam definisi ini merujuk kepada permasalahan ijtihādiyyah yang menjadi identiti atau penanda aras kepada sesuatu mazhab. Dengan demikian, isu-isu yang disepakati secara umum tidak dinamakan sebagai pandangan mazhab, seperti kewajipan solat lima waktu atau kefarduan puasa Ramadan; hal ini kerana semua mazhab menerima kewajipan tersebut secara mutlak.

Sebaliknya, sesuatu pandangan hanya dianggap sebagai “pandangan mazhab” apabila ia berkaitan isu yang diperselisihkan dan mempunyai manhaj tertentu di belakangnya. Contohnya, hukum kewajipan solat witir menurut Mazhab Hanafi atau keperluan *al-dalk* (menggosok/menyelat anggota) dalam wuduk dan mandi menurut Mazhab Maliki. Isu-isu seumpama inilah yang dimaksudkan sebagai “permasalahan khusus” bagi setiap mazhab.

Berdasarkan keseluruhan pandangan ini, dapat dirumuskan bahawa *mazhab* secara teknikal merujuk kepada suatu kerangka pemikiran hukum atau himpunan pandangan ijtihādiyyah yang terbentuk melalui keyakinan terhadap hukum-hukum amaliah, disusun dalam satu manhaj yang komprehensif, saling berkait secara ilmiah, dan akhirnya membentuk satu aliran pemikiran yang tersusun.

Skop Bermazhab

Istilah mazhab dalam Islam secara literalnya boleh dibahagikan kepada tiga kategori utama, iaitu mazhab akidah, fikah dan tasawuf, selaras dengan pembahagian dalam hadis Jibril a.s. mengenai iman, Islam dan ihsan. Walau bagaimanapun, penggunaan istilah mazhab dalam erti istilah yang lebih khusus merujuk kepada persoalan fikah sahaja (Nasir al-‘Aql, t.th.). Sebaliknya, kelompok atau aliran pandangan ulama dalam isu akidah biasanya dirujuk sebagai *firqah*, manakala dalam persoalan tasawuf istilah yang digunakan ialah *tarekat*.

Walaupun demikian, dalam penggunaan umum, perkataan mazhab kadangkala turut digunakan untuk merujuk kepada ketiga-tiga kategori tersebut sebagai gambaran pola pemikiran tertentu. Hal ini disebabkan oleh sifat mazhab itu sendiri yang merujuk kepada suatu bentuk sistem pemikiran yang tersusun dengan manhaj yang lengkap dalam urusan hukum-hakam amaliah *ijtihādiyyah*. Frasa “manhaj yang bersistematik dan lengkap” secara tidak langsung mengecualikan aspek tasawuf daripada pengertian mazhab dalam erti istilah, manakala frasa “*amaliah ijtiḥādiyyah*” mengecualikan aspek akidah atau tauhid daripada maksud mazhab secara teknikal. Oleh itu, perbincangan kertas ini secara khusus menumpukan kepada kedudukan mazhab dalam konteks fikah semata-mata tanpa melibatkan aliran pemikiran akidah atau amalan tarekat.

Mazhab fikah, sebagaimana diuraikan sebelum ini, mula muncul pada akhir kurun pertama Hijrah atau awal kurun kedua. Ia berkembang pesat dan mencapai zaman kegemilangannya pada sekitar kurun ketiga Hijrah, khususnya pada era *tabi‘in*. Sejarah mencatatkan kewujudan banyak mazhab fikah pada zaman tersebut, namun hanya empat mazhab utama yang kekal berpengaruh hingga ke hari ini, iaitu Mazhab Hanafi (80H–150H), Maliki (93H–179H), Syafi‘i (150H–204H), dan Hanbali (164H–241H). Kelahiran dan perkembangan mazhab-mazhab ini dipacu oleh pelbagai faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman merujuk kepada kaedah dan manhaj *istinbāt* hukum yang digunakan oleh para imam mazhab, manakala faktor luaran pula berkaitan dengan keadaan persekitaran, budaya, dan geopolitik yang membentuk cara mereka berfikir serta merespons keperluan masyarakat setempat.

Hukum Bermazhab dalam Islam

Hukum bermazhab dalam Islam berada dalam ruang lingkup perbahasan ulama mengenai konsep *ijtihād* dan *taqlid*. Asas perbincangannya ialah persoalan hukum bertaklid, kerana mengikuti sesuatu mazhab merupakan cabang daripada hukum bertaklid kepada seorang imam tertentu.

Hukum asal bagi setiap Muslim ialah mempelajari hukum-hakam agama melalui sumbernya yang sahih dan autoritatif. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

Terjemahan: Dan janganlah engkau mengikuti sesuatu yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati—semua itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.

(Surah al-Isrā’, 17:36)

Namun realiti menunjukkan bahawa tidak semua Muslim berkemampuan untuk memahami hukum-hakam secara langsung daripada sumber asli seperti al-Quran dan hadis. Bahkan, hanya sebahagian kecil umat Islam yang mencapai tahap tersebut, manakala majoriti tidak mampu beristinbāt hukum sendiri. Dari keperluan praktikal inilah timbul keperluan untuk berpegang kepada mazhab.

Secara ringkas, ulama membahagikan manusia dalam perbahasan ini kepada tiga kategori:

- i. Mujtahid, iaitu mereka yang memiliki kemampuan penuh berijtihad secara mandiri, setelah memenuhi syarat-syarat ketat yang akan dibincangkan kemudian.
- ii. Golongan *al-ittibā‘*, iaitu mereka yang mengikuti pandangan mazhab tertentu dengan mengetahui dalil dan sumber hukum bagi isu yang diikuti (Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, 2017). Muhammad Hasan Hito (2021) menamakan mereka sebagai *ahl al-naẓar*.
- iii. Golongan *al-muqallid*, iaitu mereka yang mengikuti pandangan seorang alim tanpa mengetahui dalil atau asas hukum tersebut.

Dalam konteks perbincangan ini, penulis menggabungkan kategori *al-ittibāʿ* dan *al-muqallid* dalam satu kelompok, kerana kedua-duanya tetap berpegang kepada mazhab kendatipun tahap pengetahuan mereka berbeza.

Para ulama usul sepakat bahawa sesiapa yang mampu berijtihad dan mengeluarkan hukum secara sahih berdasarkan dalil, maka wajib baginya berpegang kepada ijtihad sendiri dan haram bertaklid kepada mazhab lain. Mereka inilah yang digelar *mujtahid* (Muhammad Hasan Hito, 2021). Adapun bagi mereka yang tidak mencapai tahap ijtihad—sama ada orang awam atau golongan berilmu yang belum layak berijtihad (golongan *ittibāʿ*)—jumhur ulama berpendapat bahawa mereka wajib bertaklid kepada mana-mana mujtahid, selaras dengan firman Allah SWT:

Terjemahan: Maka bertanyalah kepada orang yang mengetahui, sekiranya kamu tidak mengetahui.

(Surah al-Isrāʾ, 17:7)

Walaupun wujud sebilangan kecil ulama yang berpendapat bahawa bertaklid kepada mana-mana mazhab adalah haram, dan umat Islam wajib mengambil hukum secara langsung daripada al-Quran dan sunnah—seperti pandangan Abu Daud al-Zāhirī (201H–270H) dan Ibn Hazm al-Zahirī (384H–456H) (Ibn Hazm, 1997)—pandangan tersebut dianggap janggal dan sukar diaplikasikan terutama dalam konteks zaman moden. Perbincangan lanjut mengenai pandangan ini akan disentuh dalam subtopik seterusnya.

Dalam keadaan tertentu, apabila timbulnya isu baharu yang tidak pernah berlaku dalam sejarah dan tidak ditemui nas atau panduan langsung daripada fuqaha terdahulu, ulama perlu berijtihad bagi menentukan hukum. Dalam konteks inilah muncul konsep *ijtihād jamāʿī*—iaitu ijtihad secara kolektif oleh para ulama dan pakar dari pelbagai disiplin melalui perbincangan bersama demi menyelesaikan permasalahan masyarakat. Mereka ini tidak memenuhi syarat sebagai *mujtahid mutlak*, namun demi masalah umum, ijtihad tetap perlu dilakukan berdasarkan kaedah fiqh:

ما لا يدرك كله لا يترك جله

Terjemahan: Apa yang tidak dapat dicapai keseluruhannya, janganlah ditinggalkan keseluruhannya.

Realitinya, perkembangan isu kontemporari tidak pernah terhenti, sedangkan nas-nas syarak terhad dan berhenti dengan kewafatan Nabi SAW. Contoh paling jelas ialah bagaimana para ulama, pakar perubatan dan profesional lain bergabung tenaga dalam menangani penularan wabak COVID-19. Situasi ini menuntut ijtihad kolektif yang memadukan ilmu agama, sains dan masalah semasa.

Syarat *Mujtahid*

Seseorang mujtahid perlu memenuhi syarat-syarat tertentu bagi memastikan tidak semua individu boleh mendakwa dirinya sebagai mujtahid. Proses berijtihad bukanlah tugas mudah atau dapat dilakukan oleh kebanyakan orang. Ia menuntut kemampuan ilmu yang sangat tinggi serta keperibadian yang terpuji. Hakikatnya, hanya sebilangan kecil manusia yang mampu mencapai tahap ijtihad mutlak. Penjelasan mengenai syarat-syarat ini penting untuk menggambarkan kepada pembaca bahawa berijtihad bukan kerja ringan dan mustahil dicapai oleh kebanyakan orang; pada masa yang sama ia mengukuhkan hujah bahawa bermazhab adalah satu keperluan kerana realitinya kita tidak mampu berijtihad secara sendiri.

Para ulama telah menggariskan syarat-syarat tertentu yang melayakkan seseorang bergelar mujtahid. Perincian syarat-syarat ini dinyatakan dengan jelas dalam kebanyakan karya usul al-fiqh (Muhammad Hasan Hito, 2021; Maḥmūd Muṣṭafā ʿAbbūd Ḥarmusy, 2011). Antara syarat tersebut ialah:

- i. Baligh dan berakal. Seseorang yang belum baligh, sekalipun memiliki kecerdasan luar biasa, tidak boleh berijtihad kerana pandangannya tidak dianggap kukuh disebabkan ketidakmatangan umurnya.

- ii. Bersifat *'adālah*. Lawan bagi *'adālah* ialah *fisq*. Seseorang yang berada dalam keadaan *fisq* tidak diterima istinbāt hukumnya walaupun mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam proses istinbāt.
- iii. Memiliki jiwa yang faqih. Seorang mujtahid mesti menjadikan fiqh sebagai disiplin utama yang sentiasa diamalkan. Ia perlu memiliki bakat kefahaman yang tinggi untuk menganalisis isu dan mengistinbāt hukum berdasarkan kaedah-kaedah yang digariskan ulama.
- iv. Menguasai ilmu tafsir dan 'Ulūm al-Quran. Ia mesti mampu mengeluarkan hukum melalui ayat-ayat al-Quran serta memahami isu-isu berkaitan seperti:
 - a. *nasikh* dan *mansukh*;
 - b. *ām* dan *khās*;
 - c. *muṭlaq* dan *muqayyad*;
 - d. *mujmal* dan *mufasssal*;
 - e. *muḥkam* dan *mutasyābih*;
 - f. *asbāb al-nuzūl* dan lain-lain.
- v. Menguasai ilmu hadis dan mustalah hadis. Ini tidak bermakna seorang mujtahid perlu menghafaz semua hadis, tetapi ia mesti mampu merujuk hadis dengan mudah dan mengetahui kedudukannya, antaranya:
 - a. *sahih, hasan, da'if* dan *mawdhū'*;
 - b. *tarikh al-rijāl*;
 - c. *ilmu jarḥ wa al-ta'dīl* dan lain-lain.
- vi. Mengetahui ijmak. Ini bagi memastikan perkara yang diijtihadkan tidak termasuk dalam isu yang telah disepakati oleh umat terdahulu.
- vii. Menguasai ilmu usul al-fiqh. Ilmu ini merupakan asas kepada proses ijtihad. Tanpanya seseorang tidak mampu mengeluarkan hukum. Seorang mujtahid perlu memahami topik-topik penting seperti *mabāḥith al-ḥukm, dalālāt al-alfāz, ta'arūḍ wa al-tarjīḥ, ijtihad*, serta *manhaj fuqaha'*.
- viii. Menguasai Bahasa Arab secara mendalam. Ini termasuk aspek nahu, saraf, balaghah dan gaya bahasa. Oleh kerana al-Quran dan hadis datang dalam bahasa Arab, seseorang yang mendakwa dirinya mujtahid tetapi jahil tentang Bahasa Arab adalah dakwaan yang tidak sah dan ditolak.

Berdasarkan syarat-syarat di atas, jelas bahawa untuk menjadi seorang mujtahid yang mampu berdiri sendiri tanpa merujuk kepada mazhab, seseorang perlu memiliki kelayakan ilmu yang sangat tinggi. Keperluan intelektual dan moral yang begitu ketat ini menunjukkan bahawa hampir mustahil bagi orang awam—malah kebanyakan ilmuwan—mencapai tahap ijtihad mutlak.

Selain memenuhi syarat-syarat tersebut, seorang mujtahid juga wajib mematuhi manhaj ijtihad yang digariskan oleh mazhabnya sebagai suatu bentuk SOP intelektual. Ini termasuk mendahulukan sumber hukum bermula dengan al-Quran, kemudian hadis, seterusnya ijmak, dan kemudian qiyas. Selepas itu, barulah digunakan disiplin khusus dalam usul al-fiqh bagi setiap mazhab untuk mengistinbāt hukum secara konsisten dan sistematik (Ethmane, 2019).

Keperluan Mazhab dalam Memahami Hukum Syarak

Sebagaimana telah dihuraikan sebelum ini, mazhab bukan sekadar ikutan terhadap seorang imam yang diyakini benar ilmunya. Sebaliknya, mazhab merupakan satu wadah pemikiran yang tersusun, sistematik dan berasaskan manhaj tertentu dalam proses memahami dan mengistinbāt hukum syarak. Setiap mazhab memiliki metodologi yang tersendiri, dan perbezaan manhaj inilah yang menjadi antara faktor utama wujudnya kepelbagaian pandangan dalam isu-isu *furū'* (Muhammad Hasan Hito, 2021).

Mazhab Hanafi misalnya muncul dan berkembang di Iraq, khususnya di Kufah, iaitu satu wilayah yang jauh daripada pusat periwayatan hadis seperti Mekah dan Madinah. Keadaan sosial-budaya Iraq pada ketika itu sangat rencam, didiami oleh masyarakat berbilang etnik, agama dan tradisi intelektual. Mobiliti sosial yang tinggi menyebabkan interaksi antara Muslim dan bukan Muslim berlangsung dengan sangat meluas. Situasi ini memberi kesan kepada perkembangan ilmu hadis—penghafaz hadis tidak seramai di Hijaz, dan tersebar-banya banyak riwayat yang dipertikaikan ketulenannya termasuk hadis-hadis palsu. Keadaan ini akhirnya membentuk pendekatan metodologi Mazhab Hanafi yang menekankan penelitian kritikal terhadap riwayat, penggunaan rasional yang teratur, serta penilaian terhadap kesesuaian hukum dengan realiti setempat. Menurut al-Asyqar (2007), manhaj istinbāt Mazhab Hanafi bermula dengan al-Quran, kemudian hadis yang telah disaring ketulenannya, diikuti qaul sahabi, qiyas, istihsan sebagai alat menolak kesempitan, serta penerimaan tertentu terhadap *hiyal al-shar‘iyyah* bagi menangani keperluan masyarakat.

Berbeza dengan konteks tersebut, Mazhab Maliki berkembang di Madinah, pusat periwayatan hadis dan tempat terhimpunnya amalan sahabat dan tabi‘in. Imam Mālik memberikan kedudukan istimewa kepada ‘amal ahl al-Madīnah kerana dianggap mencerminkan amalan langsung daripada Nabi SAW. Turutan manhaj beliau bermula dengan al-Quran, kemudian hadis, seterusnya ijmak dan ijmak penduduk Madinah, kemudian qiyas, qaul sahabi, masalah al-mursalah, ‘urf, *sadd al-dharā‘i*, *istihsan* dan *istishab* (al-Asyqar, 2007). Penekanan terhadap masalah dan *sadd al-dharā‘i* menjadikan mazhab ini sangat responsif terhadap keperluan masyarakat.

Manhaj Imam al-Syāfi‘ī pula bersifat sangat sistematik, tekstual dan tersusun, berbeza daripada pendekatan berasaskan ra‘yi dalam Mazhab Hanafi dan pendekatan amalan masyarakat Madinah dalam Mazhab Maliki. Menurut Nur Abd Judly (2009), Imam al-Syāfi‘ī mendahulukan al-Quran, kemudian hadis sahih, diikuti ijmak, qawl sahabi (mengikut hierarki autoriti), dan akhirnya qiyas sebagai instrumen asas penaakulan hukum. Pendekatannya yang ketat terhadap kesahihan riwayat serta kejelasan metod menyebabkan *al-Risālah* dianggap asas pembentukan ilmu usul al-fiqh moden.

Turutan manhaj di atas hanyalah ringkasan. Hakikatnya setiap mazhab memiliki kaedah istinbāt yang jauh lebih kompleks dan mendalam. Perbezaan syarat penerimaan dalil turut menjadi punca perbezaan hukum, meskipun mereka bersetuju terhadap sumber asas. Sebagai contoh, semua mazhab menerima hadis sebagai sumber hukum kedua selepas al-Quran, namun mereka berbeza pandangan mengenai kedudukan hadis mursal. Mazhab Syafi‘i tidak berpegang dengan hadis mursal kecuali setelah memenuhi syarat-syarat ketat tertentu, sedangkan Mazhab Hanafi menerimanya sebagai hujah.

Contoh klasik ialah isu ketawa dalam solat adakah membatalkan wuduk? Mazhab Hanafi menghukumkan batal wuduk berdasarkan hadis mursal bahawa Nabi SAW memerintahkan seseorang yang ketawa dalam solat supaya mengulang wuduk dan solatnya. Mazhab Syafi‘i pula hanya membatalkan solat tetapi tidak wuduk, kerana hadis tersebut mursal dan bercanggah dengan usul bahawa perkara yang membatalkan wuduk di dalam solat juga sepatutnya membatalkan wuduk di luar solat—dan ketawa tidak memenuhi hakikat tersebut. Begitu juga contoh lain seperti hukum bersentuhan antara lelaki dan perempuan, atau kewajipan qada’ bagi puasa sunat menurut Hanafiyyah (Mustafa Said al-Khin, 2000).

Persoalannya, bagaimana orang awam mampu menilai sahih atau tidaknya hadis mursal ini? Sudah tentu mereka tidak berkeupayaan untuk melakukannya. Maka keperluan bermazhab adalah sangat jelas; tanpa bimbingan mazhab, seseorang hanya akan berhukum berdasarkan hawa nafsu atau andaian semata-mata.

Perbezaan juga wujud dalam isu berhujah dengan qiyas. Misalnya, keenam-enam barang ribawi disebut dalam hadis ‘Ubadah b. al-Samit. Walaupun semua ulama sepakat bahawa keenam-enam barang tersebut ialah ribawi, mereka berbeza mengenai illat yang membolehkan qiyas kepada barang lain. Jumhur mengqiaskannya kepada barangan lain, namun illatnya berbeza antara mazhab. Sementara itu, Mazhab Zahiri menolak qiyas sepenuhnya dan berpendapat hanya enam barang itu sahaja yang ribawi. Ibn Rusyd al-Maliki pula menambah barang lain tetapi bukan melalui qiyas, sebaliknya melalui kaedah ‘*am* dan *khas* (al-Zanaty, t.th.).

Begitu juga perbahasan mengenai kafarah bagi sengaja berbuka puasa Ramadan atau hukum kafarah jimak—adakah ia dikenakan kepada perempuan sebagaimana lelaki atau sebaliknya (al-Zanaty, t.th.). Perbezaan hukum seperti ini umumnya tidak diketahui oleh orang awam, malah kadangkala tidak disedari oleh sebahagian penuntut ilmu.

Oleh itu, seseorang tidak dapat lari daripada berpegang kepada mazhab. Dakwaan bahawa seseorang “tidak terikat dengan mazhab” dan hanya berpegang kepada al-Quran dan sunnah semata-mata, tanpa melalui tafsiran yang sahih, hanyalah sebahagian daripada sikap *mukābarah* (keangkuhan). Hakikatnya, seseorang tidak mampu memahami al-Quran dan hadis tanpa merujuk kepada pandangan mazhab, kecuali dia benar-benar seorang mujtahid.

Banyak lagi contoh lain yang menunjukkan bahawa mazhab amat penting untuk memahami tuntutan agama secara sahih dan berdisiplin. Tanpa mazhab, orang awam tidak akan mampu menangkap maksud sebenar al-Quran dan hadis, lalu akan tersasar daripada landasan hukum syarak.

Mazhab yang Diperakui oleh Ulama

Ulama sepakat memperakui kesahihan mazhab yang empat iaitu Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali. Namun ia tidak menafikan wujudnya mazhab-mazhab lain dalam Islam. Namun dalam konteks amalan orang awam, majoriti ulama berpandangan mesti berpegang kepada salah satu dari keempat-empat mazhab ini. Bahkan pandangan mazhab-mazhab ini di dahulukan dari pandangan para sahabat.

Imam al-Nafrawy al-Maliky menegaskan dalam bukunya al-Fawakih al-Dawany (1995):

قد انعقد إجماع المسلمين اليوم على وجوب متابعة واحد من الأئمة الأربعة أبي حنيفة ومالك والشافعي وأحمد بن حنبل - رضى الله عنه - وعدم جواز الخروج عن مذاهبهم وإنما حرم تقليد غير هؤلاء الأربعة من المجتهدين - مع أن الجميع على هدى - لعدم حفظ مذاهبهم لموت أصحابهم وعدم تدوينها

Terjemahan: Telah berlaku ijmak dalam kalangan orang muslimin pada hari ini bahawa wajib mengikut mana-mana salah satu mazhab yang empat iaitu mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali dan tidak harus keluar daripada mazhab mereka. Tidak dibenarkan mengikut mazhab-mazhab selain dari yang empat ini (sedangkan kesemua mereka itu di atas petunjuk yang benar) adalah kerana mazhab mereka tidak lagi terpelihara kaedahnya sama ada kerana pelopornya telah meninggal dunia dan kaedahnya tidak dibukukan.

Manakala imam al-Juwayny al-Syafi’ie (1997 2/177) pula menyebut:

أجمع المحققون على أن العوام ليس لهم أن يتعلقوا بمذاهب أعيان الصحابة رضي الله عنهم بل عليهم أن يتبعوا مذاهب الأئمة الذين سبروا ونظروا وبوبوا الأبواب وذكروا أوضاع المسائل وتعرضوا للكلام على مذاهب الأولين والسبب فيه أن الذين درجوا وإن كانوا قدوة في الدين وأسوة للمسلمين فإنهم لم يعتنوا بتهذيب مسالك الاجتهاد وإيضاح طرق النظر والجدال وضبط المقال ومن خلفهم من أئمة الفقه كفوا من بعدهم النظر في مذاهب الصحابة فكان العامي مأمورا باتباع مذاهب السابرين.

Terjemahan: Para ulama usul al-Fiqh bersependapat mentahkikkan bahawa orang awam tidak di benarkan bergantung kepada mazhab para sahabat, sebaliknya mereka perlu mengikut mazhab-mazhab imam empat yang telah membedah, meneliti, mengamati dan mengklasifikasikan (dalil-dalil hukum) mengikut bab serta telah menggarap isu-isu yang timbul berpandukan kepada mazhab-mazhab para sahabat terdahulu. Sebabnya ialah, sekalipun mereka yang terdahulu itu mempunyai kemampuan yang tinggi dalam agama serta menjadi ikutan seluruh umat Islam namun mereka tidak memurnikan kaedah

berijtihad, tidak menerangkan kaedah pengamatan dalil dan pentarjihannya serta tidak mewariskan satu penulisan yang lengkap untuk panduan orang-orang selepas mereka. Justeru, imam-imam fikah ini tidak membenarkan orang selepas mereka merujuk terus kepada mazhab sahabat, bahkan orang awam disuruh untuk mengikuti mazhab imam-imam fikah ini.

Manakala imam Ibn Rajab al- Hanbaly (1418H: 33-34) dalam kitabnya *al-Radd ‘ala Man ittab’a ghayr al-Mazahib al-Arba’ah* berkata:

فإن قيل: نحن نسلم منع عموم الناس من سلوك طريق الاجتهاد لما يفضي ذلك أعظم الفساد لكن لا نسلم منع تقليد إمام متبع من أئمة المجتهدين غير هؤلاء الأئمة المشهورين قيل: قد نبهنا على المنع من ذلك وهو أن مذاهب غير هؤلاء لم تشتهر ولم تنضبط فرما نسب إليهم ما لم يقولوه أو فهم عنهم ما لم يريدوه وليس لمذاهبهم من يذب عنها وينبه على ما يقع من الخلل فيها بخلاف هذه المذاهب المشهورة.

Terjemahan: Jika di katakan “kami bersetuju orang awam dilarang berijtihad kerana perkara itu akan mengundang keburukan yang besar. tetapi kami tidak bersetuju menegah mereka daripada bertaqlid kepada mana-mana imam selain imam empat mazhab ini”. Maka dijawab: “kami telah menyatakan sebab tegahan tersebut iaitu mazhab-mazhab selain empat mazhab ini tidak masyhur dan tidak memiliki disiplin ilmu yang tersusun”. Maka boleh jadi suatu pandangan itu dinisbahkan kepada mereka sedangkan mereka tidak mengatakannya, atau sesuatu pandangan itu difahami di luar maksud yang dikehendaki oleh pelopor mazhab. Mazhab-mazhab mereka juga tidak ada orang yang akan membela atau menegur jika wujud apa apa pandangan yang asing. Ini sangat berbeza dengan empat mazhab yang masyhur ini.

Manakala Ali Haidar al-Hanafi (1991) ketika mensyarahkan fasal 16 dari Majallat al-Ahkam al-‘Adliyyah berkenaan al-Ijtihad La Yanqudhu bi al-Ijtihad berkata:

إن للمجتهد شروطا وصفات معينة في كتب أصول الفقه فلا يقال للعالم مجتهد ما لم يكن حائزا على تلك الصفات ومع ذلك فالمتأخرون من الفقهاء قد أجمعوا على سد باب الاجتهاد خوفا من تشتت الأحكام ولأن المذاهب الموجودة وهي (المذاهب الأربعة) قد ورد فيها ما فيه الكفاية.

Terjemahan: Seorang mujtahid perlu kepada syarat dan sifat tertentu seperti yang dinyatakan dalam kitab Usul al-Fiqh. Oleh itu tidak boleh seorang alim dipanggil mujtahid sehinggalah ia memenuhi syarat dan sifat tersebut. Dalam masa yang sama para fukaha muta’akhhirin bersependapat menutup pintu ijtihad kerana kekhuatiran dari perselisihan hukum sedangkan mazhab-mazhab yang ada ini telah mencukupi.

Ini berbeza jika mereka dari golongan *ittiba’*. mereka boleh keluar dari empat mazhab utama ini sekiranya mengetahui pandangan siapa yang diikuti dan memenuhi syarat-syarat kemaslahatan tertentu dengan tidak berasaskan ‘*tatabbu’ al-rukhas*’.

Bolehkah kita mengikut mana-mana mazhab yang kita suka atau berpindah mazhab sesuka hati?

Pada asasnya, sebagaimana dibincangkan sebelum ini, menurut pandangan Jumhur Ulama, seseorang yang tidak mencapai darjat mujtahid wajib atau sekurang-kurangnya perlu bertaklid kepada mana-mana imam mujtahid. Mereka bebas memilih imam yang diyakini ilmunya. Bahkan harus hukumnya mengikuti imam yang *mafdhūl* (tarafnya lebih rendah) walaupun terdapat imam yang *faḍīl* (lebih utama). Para sahabat Rasulullah SAW juga pernah meminta fatwa antara satu sama lain dan mengamalkan fatwa tersebut meskipun darjat keilmuan mereka berbeza (Muhammad Hasan Hito, 2021; Edris, 2018).

Walau bagaimanapun, orang awam dianjurkan untuk melazimi satu mazhab tertentu supaya amalannya berada dalam disiplin ilmu yang kukuh dan teratur. Mazhab merupakan satu sistem ilmu yang lengkap dan tersusun; mencampuradukkan pandangan pelbagai mazhab secara tidak berdisiplin boleh merosakkan struktur hukum, membuka ruang mengikuti hawa nafsu dan akhirnya menjerumuskan seseorang ke dalam kefasiqan. Ia juga mampu meruntuhkan asas-asas agama. Contohnya, seseorang mengambil pandangan Mazhab Hanafi dalam isu keizinan wali tidak diperlukan untuk perkahwinan, kemudian mengambil pandangan Mazhab Maliki dalam isu tidak memerlukan saksi. Menggabungkan kedua-dua pandangan ini boleh membawa kepada kesan yang menyerupai zina, kerana seluruh rukun dan syarat nikah tidak dipenuhi.

Ibn al-Ṣalāḥ (1407H) menyebut dalam fatwanya:

ومن تتبع ما اختلف فيه العلماء وأخذ بالرخص من أقاويلهم تزندق أو كاد

Terjemahan: sesiapa yang mengikut-ngikut perbezaan pandangan ulama dan memilih pandangan yang ringan diantaranya ia *fasiq* atau hampir kepada *fasiq*.

Namun demikian, kerana ulama bukan maksum, mereka juga tidak terlepas daripada kemungkinan melakukan kesilapan. Oleh itu, seorang muqallid dibenarkan berpindah mazhab sekiranya ia berpandangan bahawa dalil mazhab baharu lebih kuat dan lebih meyakinkan. Asas perpindahan mazhab mestilah kerana kekuatan dalil, bukan semata-mata kerana mencari rukhsah. Hal ini dibenarkan apabila muqallid tersebut tergolong dalam kategori *ahl al-naẓar* (golongan *ittibā'*). Ia tidak bermaksud orang awam memadai dengan taklid semata-mata; bahkan mereka perlu sentiasa menambah ilmu sehingga mampu memahami asas dalil atau sekurang-kurangnya menilai kewajaran pandangan yang diikuti.

Dalam masa yang sama, ruang ijtihad tidak boleh dibuka seluas-luasnya sehingga sesiapa sahaja berasa layak berijtihad. Ini akan membawa kerosakan serta meruntuhkan disiplin ilmu yang dibina oleh para ulama silam.

Pemikiran “La Mazhaby” dalam Konteks Era Globalisasi dan Digitalisasi

Istilah “La Mazhaby” mempunyai pelbagai tafsiran, namun secara literalnya ia merujuk kepada golongan yang tidak berpegang kepada mana-mana mazhab. Dalam konteks praktikal, istilah ini boleh dikelaskan kepada dua kategori:

Golongan yang menolak mazhab secara total

Golongan ini beranggapan bahawa memahami Islam mestilah terus daripada al-Quran, hadis, ijmak atau qiyas tanpa merujuk kepada mana-mana mazhab (al-Buty, 2005). Pandangan ini bercanggah dengan pendirian jumhur ulama dan tidak praktikal pada zaman kini. Menolak mazhab secara keseluruhan mengakibatkan seseorang itu tidak mampu memahami nas al-Quran dan hadis dengan tepat serta tidak mengetahui kaedah istinbāt hukum. Golongan ini terdedah kepada kesesatan dan dianggap membawa satu bentuk bid‘ah yang sangat berbahaya.

Golongan yang tidak menolak mazhab tetapi tidak mahu terikat dengan mana-mana mazhab

Golongan ini mengakui bahawa mereka tidak mampu memahami nas secara langsung dan tidak mengambil hukum terus daripada al-Quran dan hadis. Namun, mereka menolak untuk komited kepada mana-mana mazhab tertentu. Secara praktikal, mereka cenderung memilih mana-mana pandangan yang selari dengan kecenderungan pemikiran atau hawa nafsu mereka. Apabila mereka tidak menemukan pandangan yang sesuai dalam mana-mana mazhab, mereka kadangkala kembali kepada pendekatan pertama, iaitu berijtihad sendiri tanpa kelayakan.

Menurut pengamatan penulis, golongan kedua lebih dekat kepada pemikiran liberalisme Islam. Liberalisme menekankan kebebasan individu, kebebasan berfikir, kebebasan memilih dan menolak sebarang bentuk kekangan—termasuk kekangan bermazhab. Mereka berpendapat bahawa kerajaan tidak boleh memaksa penggunaan mana-mana mazhab dalam perundangan, dan setiap individu berhak memilih pandangan yang selari dengan kehendaknya. Pemikiran ini membuka ruang kepada perpecahan umat, menggugat keharmonian sosial dan menjejaskan penyatuan hukum dalam masyarakat.

Dalam era globalisasi dan digitalisasi, perkembangan teknologi kecerdasan buatan (AI) membolehkan orang awam mengakses pelbagai maklumat agama dengan sangat mudah. Aplikasi AI mampu menjana jawapan hukum secara segera tanpa sempadan mazhab. Walaupun dari satu sudut ia memudahkan pemahaman asas agama, kerisauan besar ialah kewujudan maklumat yang tidak ditapis, tidak berautoriti dan tidak berdisiplin.

Fenomena ini membuka ruang luas kepada pemikiran “*La Mazhaby*” kerana pengguna boleh membuat pilihan hukum tanpa manhaj dan tanpa kawalan. Maka, menurut pandangan penulis, pihak berkuasa agama perlu menggubal garis panduan khusus bagi penggunaan AI sebagai rujukan hukum syarak. Selain itu, pembinaan satu pangkalan data (*big data*) berautoriti yang mengandungi pandangan mu‘tabar dan fatwa rasmi adalah sangat diperlukan agar masyarakat memperoleh jawapan yang sah dan autentik.

Secara tradisinya, umat Islam di Malaysia mengamalkan pendekatan bermazhab dalam memahami hukum-hakam fikah, dengan Mazhab Syāfi‘ī sebagai mazhab utama. Walaupun wujud sebahagian kecil masyarakat yang mengamalkan mazhab lain, hal ini tidak menimbulkan kebimbangan kerana mereka tetap berada dalam kerangka disiplin mazhab. Bahaya sebenarnya timbul apabila muncul segolongan kecil dalam kalangan ahli agama yang menolak konsep mazhab secara asas. Golongan ini berpendapat bahawa seseorang perlu memahami Islam terus daripada sumber asal—al-Quran, hadis dan pandangan sahabat—serta mendakwa bahawa Islam lebih luas daripada mazhab. Kedudukan mereka sebagai tokoh agama menyebabkan pandangan seperti ini mudah mempengaruhi masyarakat awam.

Dalam konteks ini, Khadanjy menyatakan (al-Buty, 2005):

فحيث وجد نص الكتاب والسنة وأقوال الصحابة رضي الله تعالى عنهم فالأخذ به واجب لا يعدل عنه إلى أقوال العلماء.

Terjemahan: Apabila terdapat nas al-Quran, sunnah Nabi SAW, dan pandangan para sahabat r.a., maka wajib berpegang kepada ketiga-tiga sumber ini dan tidak perlu merujuk kepada pandangan ulama.

Walaupun ungkapan ini kelihatan benar dari satu sudut, ia hanya sesuai bagi generasi sahabat yang hidup bersama Nabi SAW dan menyaksikan penurunan ayat-ayat al-Quran. Mereka mengetahui konteks turunnya ayat, memahami latar belakang peristiwa, serta dapat menangkap makna tersurat dan tersirat daripada nas. Keadaan ini tidak lagi berlaku pada zaman kita hari ini yang telah berjarak lebih 1400 tahun daripada era kenabian.

Pandangan Khadanjy jelas tidak berpijak pada realiti. Majoriti umat Islam tidak menguasai bahasa Arab, apatah lagi memahami al-Quran dengan disiplin ilmunya yang sangat kompleks. Al-Quran dan hadis bukan sekadar teks Arab biasa; ia sarat dengan nilai balaghah, uslub tinggi, dan kehalusan makna yang tidak mampu ditangkap kecuali oleh mereka yang memiliki kelayakan. Bahkan orang Arab jahiliyah sendiri tidak mampu menandingi gaya bahasanya, sebagaimana dicabar oleh Allah SWT dalam al-Quran.

Bagi memahami al-Quran dan sunnah, para ulama telah menggariskan manhaj dan kaedah yang disusun dalam disiplin mazhab. Mazhab bertindak memelihara pemikiran seseorang daripada berfikir secara bebas tanpa panduan dan sempadan ilmu. Menolak mazhab dan hanya bergantung kepada al-Quran serta hadis semata-mata adalah sangat berbahaya kerana:

- i. Membuka ruang kepada penafsiran bebas tanpa ilmu: Apabila seseorang menganggap dirinya bebas memahami nas tanpa panduan mazhab, maka ia sebenarnya membebaskan diri daripada struktur agama. Majoriti umat Islam tidak mampu memahami nas tanpa disiplin yang telah digariskan ulama sepanjang zaman.
- ii. Mendorong kepada perpecahan umat: Jika setiap individu berhak mentafsir agama mengikut kefahamannya sendiri, wujudlah pelbagai amalan yang bercanggah antara satu sama lain. Sikap ekstrem mempertahankan pandangan sendiri akan menimbulkan perpecahan yang sukar dikendalikan.

- iii. Menggalakkan ijtihad tanpa kelayakan: Menyeru umat Islam berijtihad secara langsung tanpa kemampuan, pengetahuan, atau syarat-syarat yang diperlukan hanya akan membawa kerosakan. Inilah antara sebab utama mengapa ulama silam menutup pintu ijtihad pada skala yang luas.
- iv. Salah faham bahawa mazhab menyebabkan perpecahan: Tuduhan bahawa mazhab menjadi punca perpecahan adalah tidak benar. Yang salah ialah sikap taasub buta, terlalu keras berpegang pada pendapat sendiri, atau memaksa orang lain mengikuti pandangan tertentu. Kaedah fiqh mengajarkan:

لا ينكر المختلف فيه وإنما ينكر المتفق عليه.

Terjemahan: Tidak diingkari perkara yang diperselisihkan, tetapi yang diingkari ialah perkara yang disepakati.

- v. Membuka pintu liberalisme dalam pentafsiran agama: Menolak bermazhab membawa kepada penafsiran nas berdasarkan logik dan kecenderungan diri. Ini sejajar dengan ciri-ciri pemikiran liberalisme yang bertentangan dengan prinsip Islam.
- vi. Menggunakan alasan tidak bermazhab untuk menolak ajaran agama: Golongan anti-mazhab sering menjadikan alasan “kembali kepada al-Quran dan hadis” sebagai strategi untuk lari daripada kewajipan agama, menuruti hawa nafsu, atau memenuhi kepentingan tertentu.

Kesimpulan

Umat Islam telah mengamalkan pendekatan bermazhab sepanjang sejarah mereka dan melalui kerangka inilah tamadun Islam terbina. Mazhab Syāfi‘ī, sebagai contoh, telah melalui proses pembentukan, penelitian, pemurnian dan pengembangan selama hampir seribu tahun. Dengan manhaj yang kukuh dan diiktiraf ulama sepanjang zaman, mazhab memiliki kemampuan untuk menangani perubahan semasa dan isu-isu baharu. Menolak mazhab atas alasan ingin kembali kepada amalan salaf sebenarnya membuka ruang kepada kekeliruan, salah faham dan berhukum dengan hawa nafsu. Tanpa mazhab, umat Islam akan kehilangan bimbingan metodologis yang diperlukan untuk memahami al-Quran dan hadis secara sahih, tersusun dan berdisiplin.

Rujukan

- ‘Alī Haydar. (1991). *Durar al-ḥukkām fī sharḥ majallat al-aḥkām*. Dār al-Jīl.
- Ahmad al-Saww al-Maliky. (n.d.). *Hāshiyah al-Sāwī ‘alā al-Sharḥ al-Ṣaghīr*. Dār al-Ma‘ārif.
- Ahmad ibn Ḥanbal. (2001). *Musnad Ahmad* (S. al-Arna’ūth, Ed.). Mu’assasah al-Risālah.
- al-Asyqar, U. S. (2007). *Al-madkhal ilā dirāsāt al-madhāhib wa al-madāris al-fiqhiyyah*. Dār al-Nafā’is.
- al-Bayānūnī, M. A. F. (1985). *Dirāsāt fī al-ikhtilāfāt al-fiqhiyyah: Ḥaqīqatuhā, nash’atuhā, asbābuhā, al-mawāqif al-mukhtalifah minhā*. Dār al-Salām.
- al-Būṭī, S. R. (2005). *Al-lā madhhabiyah akhtar bid‘atin tuhaddidu al-sharī‘ah al-Islāmiyyah*. Maktabah al-Fārābī.
- al-Juwaynī, ‘A. M. ‘A. Y. M. (1997). *Al-burhān fī uṣūl al-fiqh*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Syahrastānī, A. F. M. A. K. (1990). *Al-milal wa al-niḥāl*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Zanāṭī, M. ‘A. K. (n.d.). *Raḥmat al-ummah fī ikhtilāf al-a‘immah*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Edris, M. M. A. M. (2018). أثر مستقبل اختلاف الفتوى على تطبيق المنتجات المالية في المصارف الإسلامية: Future impact of difference of fatwa on the application of financial products in Islamic banks. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 6(1), 259-292. <https://doi.org/10.33102/mjsl.vol6no1.98>
- Ensiklopedia aliran dan mazhab di dunia Islam*. (2022). Pustaka al-Kauthar.
- Ethmane, A. Y. (2019). الأثر العقدي والسياسي في انقراض المذهب الفقهي بالغرب الإسلامي والأندلس: The theological and political effects of extinction of fiqh madhab (juristic doctrine): A study of the extinct madhahib in the Islamic west and Al-Andalus. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 7(1), 109-123. <https://doi.org/10.33102/mjsl.v7i1.157>
- Ibn Ḥazm, M. A. A. S. (1997). *Al-muḥallā sharḥ al-mujallā*. Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Ibn Mājah. (n.d.). *Sunan Ibn Mājah* (M. F. A. al-Bāqī, Ed.). Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Ibn Rajab al-Ḥanbalī, Z. A. R. A. (1997). *Al-radd ‘alā ghayr al-madhāhib al-arba‘ah*. Dār ‘Ālim al-Fawā’id.

- Ibn Ṣalāḥ, ‘U. ‘A. R. (1987). *Fatāwā Ibn Ṣalāḥ* (M. A. A. al-Qādir, Ed.). Maktabah al-‘Ulūm wa al-Ḥikam.
- Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang. (2017). *Bahaya anti mazhab*. Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.
- Kamus al-Ma’any. (n.d.). “Kamus al-Ma’any”. <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/%D9%85%D8%B0%D9%87%D8%A8/>
- Kamus Besar Dewan Arab-Melayu*. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maḥmūd Muṣṭafā ‘Abbūd Ḥarmusy. (2011). *Ghāyat al-ma’mul fī tawḍīḥ al-furū’ li al-uṣūl*. Dār al-Fath.
- Muḥammad ‘Uthmān Syubayr. (2022). *Manāḥij al-fuqahā’ fī istinbāṭ al-aḥkām*. Dār al-Nafā’is.
- Muḥammad Ḥasan Hītū. (2021). *Al-wajīz fī uṣūl al-tashrī’ al-Islāmī*. Dār al-Muṣṭafā.
- Muṣṭafā Sa’īd al-Khin. (2000). *Athar al-ikhtilāf fī al-qawā’id al-uṣūliyyah fī ikhtilāf al-fuqahā’*. Mu’assasah al-Risālah.
- Naḥrawī, A. G. S. (1995). *Al-fawākih al-dawānī ‘alā risālat Ibn Abī Zayd al-Qayrawānī*. Dār al-Fikr.
- Nāṣir al-‘Aql. (n.d.). *Mujmal uṣūl ahl al-sunnah*. Dār al-Ṣafwah.
- Nawwār ibn al-Syilī. (2010). *Naẓariyyat al-takhrīj fī fiqh al-Islāmī*. Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah.
- Nur Abd. Judly. (2009). *Manāḥij al-fuqahā’ al-arba’ah*. Dār al-Tajdīd.